



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)
(b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
(d) GRED : N1

2. JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

3. SYARAT LANTIKAN

- 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

**4. SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

4.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. TARAF JAWATAN

5.1 KONTRAK